

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PROGRAM
IJAZAH SARJANA KAUNSELING (PENYALAHGUNAAN DADAH) [SPADA],
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2019**

Tawaran ini adalah terbuka kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berkhidmat dalam skim perkhidmatan pendidikan yang mana ketua perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP).

1. SYARAT KHUSUS/KHAS

- 1.1. Pegawai hendaklah mempunyai iltizam, pengetahuan, kemahiran, pengalaman, dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Pegawai juga hendaklah **mempunyai kelayakan Ijazah Pertama** dalam **bidang Kaunseling/Bimbingan Kaunseling** yang diiktiraf dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang Kaunseling;
- 1.2. Memiliki kelulusan **ijazah pertama dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 2.75** atau setaraf dan ke atas;
- 1.3. **Belum** memulakan pengajian di mana-mana Universiti Awam di dalam atau luar negara;
- 1.4. Pegawai bersedia ditempatkan **di mana-mana Universiti bagi pengajian** selama 4 semester seperti ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM); dan
- 1.5. Pegawai bersedia **ditempatkan semula di mana-mana agensi** di bawah KPM setelah tamat pengajian mengikut keperluan Kementerian.

2. SYARAT UMUM

- 2.1. Warganegara Malaysia;
- 2.2. Pegawai berumur **tidak melebihi 50 tahun pada 1 Januari 2019**;
- 2.3. Pegawai hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 3 tahun (lantikan selewat-lewatnya Januari 2016) pada tarikh tutup permohonan;
- 2.4. **Berkhidmat secara tetap dan telah disahkan dalam skim perkhidmatan** terkini pada tarikh tutup permohonan;
- 2.5. Mencapai markah purata **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)** atau **Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP)** 85% ke atas bagi **tempoh genap 3 tahun dalam skim perkhidmatan terkini** berturut-turut (2016, 2017 dan 2018). Penilaian setahun LNPT mestilah genap 12 bulan. Sekiranya tuan/puan pernah diluluskan penajaan/Cuti Belajar dalam tempoh tersebut, sila kemukakan LNPT tahun sebelum/selepas tempoh Cuti Belajar.

Contoh:-

Tempoh Cuti Belajar Yang Pernah Diluluskan: 20.09.2013 hingga 31.08.2015 (LNPT adalah 2017, 2016 dan 2012)

- 2.6. **Disokong dan diperaku oleh Ketua Jabatan;**
- 2.7. **Belum** memiliki kelayakan Ijazah Lanjutan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan (Jika calon didapati sedang atau telah mempunyai kelayakan Ijazah Lanjutan, KPM berhak membatalkan atau menarik balik tawaran/kelulusan tanpa sebarang notis);
- 2.8. Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan mahkamah;
- 2.9. Telah mengisytiharkan harta melalui sistem HRMIS;
- 2.10. Tidak tersenarai dalam senarai hitam KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) atau badan-badan peminjam kerajaan yang lain;
- 2.11. Satu Kertas Cadangan Penyelidikan (**dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**) dan slaid pembentangan **perlu disediakan untuk dikemukakan kepada BBP dan dibawa semasa sesi temuduga (sekiranya terpilih);**
- 2.12. Tempat pengajian adalah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah dan Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor sahaja.
- 2.13. Tempoh Cuti Belajar bagi peringkat **Sarjana** adalah **4 semester** (maksimum) tertakluk kepada mod pengajian dan tempoh pengajian yang ditetapkan oleh universiti;
- 2.14. **Kemasukan ke universiti adalah untuk pengajian semester 1 sesi 2019/2020 ATAU yang mana-mana sesi kemasukan yang ditetapkan oleh Kementerian;**
- 2.15. Pegawai adalah bebas daripada sebarang penyakit kronik seperti di **Lampiran A;**
- 2.16. Pegawai yang **sedang dalam penajaan/Cuti Belajar** Kementerian atau mana-mana penaja lain tidak layak memohon;
- 2.17. Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek yang terdahulu (dengan kemudahan Penajaan/Cuti Belajar) seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Layak Memohon
Lebih daripada 12 bulan	Selepas genap 2 Tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	Selepas genap 1 Tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

3. TATACARA PERMOHONAN

- 3.1. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang perlu dimuat turun melalui portal rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) <http://www.moe.gov.my> dan portal rasmi Bahagian Biasiswa, KPM <http://biasiswa.moe.gov.my> seperti berikut:
- KPM(BBP)LD1 2019 Borang Permohonan Mengikuti Pengajian 2019;
 - KPM(BBP)LD2 2019 Borang Perakuan Ketua Jabatan;
 - KPM(BBP)LD3 2019 Borang Perakuan Kedudukan Kewangan;
 - KPM(BBP)LD4 2019 Borang Maklumat Pinjaman Pendidikan; dan
 - KPM(BBP)LD5 2019 Borang Maklumat Politik.
- 3.2. Borang-Borang di Perenggan 3.1 di atas, hendaklah dimuat turun, dicetak dan diisi untuk dihantar kepada Ketua Jabatan/Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) masing-masing bagi tujuan sokongan dan perakuan.
- 3.3. Dokumen yang lengkap hendaklah dikemukakan melalui **pos atau serahan tangan sebelum atau pada 7 Mei 2019 (Selasa)** kepada:
- Setiausaha Bahagian
Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1, Blok 2251, Jalan Usahawan 1
63000 Cyberjaya
SELANGOR
(u.p.: Cawangan Perancangan dan Pengurusan Kerjaya)
- 3.4. Permohonan dengan dokumen yang tidak lengkap, tidak disokong/diperaku oleh Ketua Jabatan/JPN tidak akan diproses untuk tujuan pertimbangan.
- 3.5. Maklumat mengenai permohonan kursus tersebut dibuka adalah mengikut tarikh-tarikh berikut:

Bil.	Perkara	Jangkaan Tarikh
1.	Hebahan Iklan Tawaran Program	11 April 2019 hingga 19 April 2019
2.	Sokongan dan Perakuan Ketua Jabatan	22 April 2019 hingga 26 April 2019
3.	Tarikh akhir serahan dokumen permohonan (Lokasi serahan : Kaunter, Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, Cyberjaya)	29 April 2019 hingga 7 Mei 2019

4. MAKLUMAT PERHUBUNGAN

4.1. Waktu Pertanyaan:

Hari	Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum)
Masa	Isnin hingga Khamis: 8:30 pagi - 12.30 tengah hari; 2:30 petang - 4.30 petang Jumaat: 8:30 pagi - 12:00 tengah hari; 3:00 petang - 4.30 petang

4.2. Nombor Telefon Untuk Dihubungi:

Cawangan Perancangan dan Pengurusan Kerjaya	03-8321 7116 / 03-8321 7113 / 03-8321 7088 / 03-8321 7087
Cawangan Latihan Dalam Perkhidmatan	03-8321 7160 / 03-8321 7140
Cawangan Penawaran	03-8888 1616 (<i>hotline</i>)

4.3. E-mel pertanyaan : epenawaran@moe.gov.my

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

1. Kanser;
2. Serangan Jantung;
3. Pulmonary Hypertension;
4. Sakit buah pinggang yang kronik;
5. Sakit hati (liver) yang kronik;
6. Fullminant Viral Hepatitis;
7. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
8. Tumor dan kecatatan pembuluh darah di otak;
9. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
10. Pemindahan organ utama;
11. Penyakit Parkinson;
12. Penyakit HIV dan AIDS;
13. Pemindahan kaki dan/atau tangan;
14. Skizofernia;
15. Kecederaan atau kecacatan fizikal yang dialami semasa menjalani latihan atau kursus yang disahkan oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja sebagai tidak sihat untuk meneruskan pengajian; dan
16. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.